

# Unprofor: PM jelas pendirian

21 FEB 1994

Oleh Manja Ismail, Kamal Ahmad dan Mohd Shah Abdullah

KUALA LUMPUR, Ahad — Malaysia tidak akan mengubah pendirian berhubung komitmennya dalam Pasukan Pertindungan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Bosnia-Herzegovina (Unprofor) walaupun dua platoon Batalion Malaysia (Malbatt) berada di garisan hadapan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata senjata Malbatt bukan alasan Malaysia supaya serangan udara Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (Nato) tidak dilakukan ke atas pengganas Serb.

"Saya ingin tekankan bahawa kita tetap komited. Kita bukan nak jadikan ini (kedudukan keselamatan dan persenjataan Malbatt) sebagai alasan supaya tidak ada serangan ke atas pengganas Serb.

"Jangan pula mana-mana pihak kata Malaysia

sudah menukar pendirian iaitu kita takut orang kita dalam Unprofor diserang maka kita tidak mahu Nato mengebom tempat senjata Serb," katanya dalam sidang akhbar di Sri Perdana hari ini.

Beliau diminta mengulas reaksi PBB mengenai desakan Malaysia supaya Malbatt diberi bantuan senjata lebih berat sebagai persiapan kemungkinan serangan balas Serb.

Dr Mahathir berkata, kerajaan belum mendaapat maklumat mengenai reaksi PBB berhubung permohonan supaya Malbatt dibekalkan senjata lebih berkesan kerana senjata sedia ada dibawa sendiri dari Malaysia.

"Bekalan (senjata) yang kita bawa sendiri tidak sama dari segi keberkesanan berbanding tentera Perancis atau Britain. Oleh itu sepatutnya kita dibantu dengan senjata.

"Bagaimanapun, ini bu-

kan alasan kita bahawa serangan udara Nato tidak boleh dilancarkan ke atas pengganas Serb jika mereka gagal mematuhi ketetapan," katanya.

Menurut Perdana Menteri, Malaysia khuatir kehadiran tentera Russia dalam Unprofor kerana pendirian mereka yang menyebelahi pengganas Serb.

Katanya, tindakan itu adalah tidak adil kerana tentera dari Turki tidak dibenarkan menyertai Unprofor kerana kononnya mereka memihak kepada orang Bosnia.

"Yang jelas sekali Russia memihak kepada orang Serb tapi mereka berhak datang. Apakah ini satu keadilan atau sekali lagi kita lihat ada sikap berat sebelah. Dengan Bosnia tidak boleh ada orang yang memihak kepada mereka tetapi orang yang memihak kepada Serb, boleh ada

sama.

"Mungkin (tentera Russia) ditempatkan dekat dengan kedudukan senjata pengganas Serb supaya tidak boleh ada serangan bom terhadap senjata dan kedudukan Serb. Ini bermakna wujud hipokrasi," katanya.

Ditanya kemungkinan Nato melancarkan serangan udara ke atas Serb jika mereka gagal mematuhi ketetapan PBB hari ini, Dr Mahathir berkata:

"Seperti yang saya katakan, tidak akan ada serangan bom. Saya percaya mengenai kemungkinan itu. Tidak akan ada serangan bom."

Mengenai jaminan Amerika Syarikat dan Nato bahawa serangan tetap akan dilancarkan jika Serb gagal mematuhi kehendak PBB, Perdana Menteri berkata:

"Ada jaminan atau tidak, tidak akan ada serangan, percayalah."